



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 45/2021 dari 7 November hingga 13 November 2021)

Pada minggu ke-45, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 86 kes (21.8%), menjadikan jumlah kes 480 berbanding 394 kes pada minggu sebelumnya. Sebanyak satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-45. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 22,581 kes berbanding 83,752 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 61,171 kes (73%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 18 kematian berbanding 134 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 116 kematian (86.6%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak enam (6) lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-45 berbanding tujuh (7) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan empat (4) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan dua (2) lokaliti hotspot di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 28 kes pada minggu ke-45 yang mana 13 kes dari Selangor, 12 kes dari WPKL & Putrajaya dan tiga (3) kes dari Pulau Pinang. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,249 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,361 sampel darah dan 32 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Cuaca panas di selang-seli dengan hujan yang sedang melanda negara ini, merupakan keadaan yang kondusif untuk Aedes membiak. Oleh itu, Jawatankuasa penduduk dan masyarakat di kawasan perumahan perlu bersikap proaktif untuk membersihkan tempat pembiakan Aedes di persekitaran rumah serta gunakan aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa yang mungkin infektif di dalam rumah. Lakukan aktiviti pembersihan di persekitaran rumah terutama jika kediaman terletak berhampiran dengan tanah lot kosong atau rumah kosong yang berpotensi mempunyai tempat pembiakan Aedes. Individu yang telah disahkan menghidap Denggi pula perlu menggunakan repelan bagi mencegah digigit nyamuk Aedes yang seterusnya boleh menularkan virus Denggi kepada individu lain. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


23 November 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 44 dan ke- 45 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 45 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-45 tahun 2021

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 45/2021
(7 November hingga 13 November 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 45/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 45/2020	
		Minggu 45 (7 November – 13 November 2021)		Minggu 44 (31 Oktober – 6 November 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	20	0	80	0
2	Kedah	15	0	12	0	464	1	740	0
3	P. Pinang	11	0	8	0	349	0	932	2
4	Perak	18	0	7	0	509	1	2,546	3
5	Selangor	282	0	245	0	13,460	2	41,619	36
6	WP KL & Putrajaya	46	0	41	0	2,744	2	9,836	7
7	N. Sembilan	10	0	10	0	532	1	2,696	8
8	Melaka	5	0	8	0	531	0	2,539	8
9	Johor	25	1	13	1	1,561	4	10,508	39
10	Pahang	10	0	6	0	389	2	2,929	8
11	Terengganu	1	0	0	0	37	0	371	0
12	Kelantan	5	0	4	0	191	0	3,780	6
13	Sarawak	6	0	9	0	338	0	1,437	2
14	Sabah	46	0	30	0	1,451	5	3,733	15
15	WP Labuan	0	0	1	0	5	0	6	0
	MALAYSIA	480	1	394	1	22,581	18	83,752	134

Lampiran D**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 45/2021
(7 November hingga 13 November 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 3 Taman Pelangi Semenyih	20	72
2	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi (Jalan Kedah)	27	61
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 16-19 Taman Saga	16	51
4	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Armanee Kondo	14	42
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Putera 1/1-11/1 Bandar Mahkota Cheras	5	35
6	WPKL	Cheras	Alam Damai (Jalan Damai Rasa)	9	32

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 45/2021 (13 November 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Johor Bahru	17	96
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Kedah	Baling	5	125
		Kota Setar	2	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	23	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
4.	Kelantan	Bachok	1	41
		Gua Musang	1	
		Jeli	1	
		Kota Bharu	17	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	12	
5.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
6.	Negeri Sembilan	Seremban	11	11
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	36	66
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	21	

9.	Selangor	Gombak	141	274
		Hulu Langat	69	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	7	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	51	426
		Kepong	137	
		Lembah Pantai	62	
		Titiwangsa	176	
JUMLAH KUMULATIF			1,249	